



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	23/6/2021	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	TNB			

# TNB kumpul RM1.34 juta bantu rakyat terjejas

**Kuala Lumpur:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengumpul dana berjumlah RM1.34 juta setakat ini melalui Tabung Warga TNB Prihatin (WTP) bagi membantu rakyat di Semenanjung yang terkesan akibat COVID-19.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Baharin Din, berkata sebanyak RM270,000 daripada dana berkenaan sudah mula diagihkan, terutama untuk golongan B40 pelbagai kaum, dengan agihan permulaan RM40,000 dibuat Ahad lalu.

"Kami percaya ramai dalam kalangan masyarakat yang terjejas untuk meneruskan kelangsungan hidup berikutan pandemik ini. Justeru, bantuan ini diagihkan secepat mungkin bagi mencerminkan keprihatinan TNB sebagai sebuah syarikat yang sentiasa di sisi rakyat," katanya dalam kenyataan, semalam.

Baharin berkata, kehilangan

kerja dan terjejas pendapatan bukannya memberi impak kepada individu, malah ahli keluarga.

"Berpegang prinsip 'yang ada perlu membantu kepada yang tiada dan di sebalik setiap rezeki, ada hak insan lain', penyerahan pantas bantuan daripada Tabung WTP juga menzahirkan kesyukuran warga kerja TNB berkongsi dengan mereka yang memerlukan.

"Diharap sumbangan serba sederhana dan ikhlas ini dapat sedikit sebanyak meringankan beban mereka," katanya menambah Tabung WTP dilancarkan 9 Jun lalu bagi mengutip sumbangan sukarela daripada lebih 12,300 warga kerja TNB secara potongan gaji pada Jun dan Julai, selain pengurusan tertinggi dan Ahli Lembaga Pengarah TNB.

Katanya, penerima manfaat dipilih berdasarkan senarai golongan B40 membabitkan orang ke-

lainan upaya (OKU), e-Kasih, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat, Pusat

**“Kami percaya ramai dalam kalangan masyarakat yang terjejas untuk meneruskan kelangsungan hidup berikutan pandemik ini”**

*Ir Baharin Din,  
Presiden dan  
Ketua Pegawai  
Eksekutif TNB*



Zakat Negeri serta maklum balas warga kerja TNB.

"Bagi setiap ringgit yang disumbangkan, TNB akan menambah nilai yang sama agar manfaat daripada tabung ini dapat dikongsi dengan lebih meluas. Agihan Tabung WTP dilaksanakan secara dalam talian. Saya yakin jumlah kutipan akan terus meningkat hingga kempen tamat 15 Julai nanti," katanya.

Selain Tabung WTP TNB sejak awal tahun ini menghulurkan pelbagai bentuk bantuan kepada lebih 10,000 golongan B40 dengan peruntukan hampir RM9.5 juta, termasuk membiayai pembinaan semula dan membaiki rumah, pengagihan bekalan makanan dan keperluan asas serta wang saku.

Sementara itu, 750 pemandu dan pengusaha van serta bas sekolah akan menerima bantuan sekali beri berjumlah RM500 melalui program MAIWP Prihatin

Kasih Asnaf 3.0 membabitkan peruntukan keseluruhan bernilai RM375,000.

Unit Komunikasi Korporat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), dalam kenyataan media semalam, berkata peruntukan itu akan disalurkan kepada Persatuan Pengusaha Bas Sekolah Bumiputera Kuala Lumpur dan Selangor sebelum diagihkan.

"Diharap bantuan ini sedikit sebanyak akan meringankan beban mereka meneruskan kelangsungan hidup selepas kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Mac tahun lalu," katanya.

Terdahulu, Pengerusi MAIWP, Datuk Dr Daud Bakar menyerahkan replika cek kepada Pengerusi Persatuan Pengusaha Bas Sekolah Bumiputera Kuala Lumpur dan Selangor, Amali Munif Rahmat sebagai simbolik penyerahan sumbangan.